

Ucapan Belanjawan Tahun 1997 oleh Timbalan Ketua Menteri/Menteri Kewangan Y.B. Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 18 November 1996

Tuan Speaker,

1. Sejajar dengan tugas dan tanggungjawab saya dalam menerajui portfolio kewangan, saya dengan ini mohon membentangkan Belanjawan Tahun 1997 untuk kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

Tuan Speaker,

1. Tahun hadapan memasuki tahun ketiga bagi Kerajaan Barisan Nasional sejak mengambil alih tumpuk pentadbiran Kerajaan Negeri daripada Kerajaan ini daripada Kerajaan lalu. Berkat perancangan pembangunan yang jitu dan pengurusan kewangan yang berwibawa berserta dengan iltizam yang tinggi, maka kita mampu mengatasi halangan-halangan serta berjaya mengorak langkah demi untuk memantapkan proses pertumbuhan ekonomi negeri ini. Usaha yang gigih yang ditonjolkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan hari ini dan diiringi dengan anggota perkhidmatan awam yang dedikasi adalah merupakan faktor penting ke arah pencapaian ini. Meskipun keadaan pertumbuhan Negara tetapi dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini Kerajaan telah menampakkan satu arah tuju yang jelas menerusi Rangka Rancangan Jangka Panjang Sabah (RRJPS) yang menjadi teras kepada strategi-strategi pembangunan ekonomi Sabah dalam semua bidang.
2. Belanjawan Tahun 1997 menekankan perancangan kewangan Negeri yang berupaya untuk meningkatkan keyakinan rakyat, para pelabur dan masyarakat peniaga. Keyakinan inilah seterusnya menjadi faktor penyumbang ke arah memperhebatkan pembangunan di Sabah khususnya di kawasan luar bandar untuk memastikan proses merapatkan jurang antara bandar dan desa berjalan dengan licin. Di samping itu, penekanan ka atas disiplin kewangan amat penting sekali untuk menjamin perkembangan ekonomi yang berterusan dan perkhidmatan pentadbiran awam yang produktif lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan penggunaan sumber-sumber asli yang semakin berkurangan. Maka sudah tiba masanya slogan berbelanja dengan pruden wajib direalisasikan dan ini memerlukan kerjasama, sokongan dan dorongan daripada rakan-rakan saya dalam Kabinet Negeri dan anggota perkhidmatan awam. Justeru itu proses transformasi ekonomi daripada yang terlalu bergantung ke atas sumber-sumber asli kepada ekonomi yang berteraskan industri-industri bernilai-tambah, dengan produktiviti yang tinggi akan diperhebatkan lagi selaras dengan penggunaan optima ke atas sumber-sumber ini.

Senario Ekonomi

Tuan Speaker,

1. Ekonomi dunia dijangka akan terus mengalami kadar pertumbuhan pada kadar 4% dalam tahun 1997/1998 ekoran daripada beberapa faktor seperti tekanan kadar inflasi dunia yang diramal menjadi perlahan dan tanda-tanda optimisme dalam pelaburan swasta dan perbelanjaan pengguna Amerika Syarikat. Manakala bagi Negara Jepun, peningkatan indeks pengeluaran, pengurangan kadar faedah dan peningkatan perbelanjaan Kerajaan juga menjadi faktor penggalak kepada pertumbuhan ini.
2. Perkembangan ekonomi rantau Eropah Tengah dan Timur serta Rusia telah menunjukkan tren pemulihan dalam sektor pengeluaran. Manakala, sesetengah negara Afrika telah membuat perubahan ke atas struktur ekonomi masing-masing yang berupaya memperkuatkan prestasi pertumbuhan. Perkembangan ekonomi sangat tidak seratus peratus bebas daripada gangguan, khususnya bagi negara-negara yang sedang membangun yang mana akan terus menghalau kepada defisit fisikal yang besar akibat proses peralihan penggunaan sumber-sumber yang semakin berkurangan ini untuk diusahakan dengan lebih produktif. Namun demikian negara-negara membangun ini mampu memainkan peranannya sebagai pengerak utama ekonomi dunia.
3. Bagi Negara-negara Industri Baru (NICS) yang terdiri daripada Hong Kong, Korea Selatan, Singapura dan Taiwan adalah dijangka akan mengalami kadar pertumbuhan melebihi paras 6% pada tahun 1996 manakala Negara-negara Asean akan mengalami pertumbuhan lebih daripada 7% pada tahun yang sama. Kadar pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara rantau Asia pada

tahun 1997 dijangka berada pada purata 7% berikutan dengan pelaburan dan eksport yang masih kukuh.

Ekonomi Malaysia

Tuan Speaker,

1. Dengan Keluaran Dalam Negara Kasar yang diramalkan pada kadar 8% dalam tahun 1997, lebih perlahan sedikit daripada pertumbuhan 8.2% yang dianggarkan untuk tahun ini maka lebih banyak perhatian ditumpukan kepada usaha untuk meningkatkan kecekapan, penambahan bekalan dan peningkatan taraf produktiviti. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, begitu juga dengan kedudukan imbalan pembayaran yang bertambah baik akan terus menjamin kepada pertumbuhan yang mampan. Punca utama pertumbuhan adalah dijangka terus disumbangkan oleh sektor perusahaan, pembinaan dan perkhidmatan.
2. Dalam usaha untuk meningkatkan daya saingnya, Malaysia akan terus memainkan peranan dalam meninggikan produktiviti buruh. Dengan kadar inflasi terkawal yang dijangka berada di sekitar 3.6% hingga 3.7%, maka produktiviti diyakini akan terus meningkat. Pelaburan akan bertumpu dalam bidang modal dan sumber pembangunan manusia dan lebih perhatian akan diberikan untuk memperkayakan bidang penyelidikan dan pembangunan, memajukan teknologi dan inovasi. Langkah-langkah seterusnya yang diambil oleh Kerajaan seperti dasar yang liberal terhadap cukai import, kempen simpanan untuk jangka panjang dan penekanan dalam pertumbuhan produktiviti merupakan polisi-polisi yang bijak.
3. Kerajaan Pusat akan terus berusaha untuk mengurangkan defisit imbalan pembayaran termasuklah memperkenalkan pelancongan tempatan, menggalakkan penggunaan komponen-komponen tempatan untuk tujuan pengeluaran, menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara mendapatkan keperluan mereka daripada negara sendiri, menggalakkan penggunaan khidmat agen pengangkutan Malaysia, penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang dan seterusnya dilindungi oleh syarikat-syarikat insurans Malaysia dan mendirikan lebih banyak institusi pendidikan di negara ini.

Tuan Speaker,

1. Untuk ekonomi Malaysia terus berdaya saing di peringkat antarabangsa, peralihan perlu dihalakan kepada proses pengeluaran yang bercirikan teknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan kapital. Manakala sektor perkhidmatan harus dipermodenkan dan disesuaikan berdasarkan kepada dorongan teknologi maklumat dan sistem pendidikan masa hadapan yang mampu membekalkan tenaga mahir yang diperlukan. Rancangan Malaysia ketujuh telah merumuskan beberapa strategi bagi menangani isu-isu bagi menghadapi cabaran-cabaran seumpama ini.

Ekonomi Sabah

Tuan Speaker,

1. Ekonomi negeri Sabah telah beransur pulih sejak tahun 1995. Keluaran Dalam Negeri Kasar sebenar bagi negeri Sabah telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.8% pada tahun 1995 berbanding kadar 3% yang dicapai pada tahun 1994. Pertumbuhan yang tinggi adalah hasil daripada peningkatan eksport komoditi pertanian, senario ekonomi yang positif di kalangan rakan dagang utama negeri serta pelaksanaan beberapa projek besar Kerajaan Persekutuan.
2. Untuk tahun 1996 dan 1997, Keluaran Dalam Negeri Kasar Sabah adalah diramalkan berkembang dalam lingkungan kadar 8%. Pertumbuhan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh ekonomi nasional yang kukuh, peningkatan keyakinan para pelabur berserta kestabilan ekonomi dan politik Negeri ini dan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Speaker,

1. Oleh kerana ekonomi Negeri merupakan ekonomi yang terbuka, maka ramalan pertumbuhan yang tinggi ini adalah juga hasil daripada pemulihran ekonomi rakan dagang utama Sabah,

kedudukan ekonomi dunia yang cerah, dan peningkatan harapan serta peluang-peluang menerusi persefahaman ekonomi BIMP-EAGA.

2. Inflasi yang berada di tahap yang terkawal sejak beberapa tahun yang lepas adalah dijangkakan kekal pada kadar antara 3% hingga 3.5% pada tahun 1997. Dengan adanya kawalan kewangan yang ketat dan polisi fiskal yang berhemat di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan terus mendokong dasar ini demi memastikan kadar inflasi yang terus terkawal.
3. Pertumbuhan utama bagi tahun 1996 dan 1997 dijangka disumbangkan terus oleh sektor pertanian dan penternakan, pembuatan, pembinaan dan pelancongan serta sektor yang berkaitan dengan perkhidmatan. Sektor pertanian dan penternakan yang pada masa ini merupakan sektor terbesar yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar adalah dijangka untuk terus kukuh memandangkan harga komoditi pertanian dunia dijangkakan kekal menarik sungguhpun pada tahap yang rendah akibat stok dan bekalan yang berlebihan.
4. Sektor pembuatan yang merupakan sektor ekonomi yang cepat berkembang dijangka akan terus menunjukkan arah peningkatan akibat usaha industrialisasi Kerajaan Negeri yang bersungguh-sungguh dan di samping itu harga dunia bagi kebanyakan komoditi berasaskan pembuatan tempatan adalah diramalkan pada tahap yang menguntungkan. Beberapa kemudahan infrastruktur utama yang sedang dan akan dilaksanakan melalui pembiayaan Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) akan membantu mengembangkan sektor ini seterusnya.
5. Sektor pembinaan akan terus kukuh sehingga beberapa tahun akan datang. Ini dapat dilihat dengan adanya pembinaan beberapa buah hotel besar untuk sektor pelancongan dan beberapa projek perumahan termasuk rumah kos rendah yang dibiayai oleh Kerajaan.
6. Sektor perkhidmatan yang merangkumi dagangan dan runcit, kewangan dan insurans, perhubungan dan pengangkutan dijangka akan memainkan peranan yang lebih penting dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Pelancongan dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang berkaitan seperti restoran dan hotel telah dikenalpasti sebagai bidang yang dijangka paling berpotensi untuk menaikkan nama baik Sabah sebagai destinasi pelancongan yang utama baik di peringkat tempatan maupun antarabangsa. Perkembangan yang menggalakkan ini dibuktikan dengan peningkatan bilangan pelawat ke negeri ini iaitu, lebih kurang 8% setahun untuk beberapa tahun yang lepas. Pada tahun 1995 bilangan pelawat ke Sabah ialah melebihi daripada 130,000 orang.
7. Dalam hal perdagangan luar pula, Sabah mencatatkan dagangan defisit sebanyak RM57.4 juta dan 6.6% penurunan dalam pendapatan eksport bagi tempoh Januari hingga Julai tahun 1996 berbanding dengan tempoh yang samapada tahun 1995. Sebab utama penurunan ini adalah harga unit eksport semasa yang lemah untuk kebanyakan komoditi. Walau bagaimanapun, papan lapis, 'hot briquetted iron' dan 'copper concentrate' adalah beberapa komoditi utama yang mencatatkan peningkatan dalam pendapatan eksport untuk tempoh tersebut.
8. Di samping itu, pengurangan dalam imbalan dagangan negeri adalah diakibatkan oleh peningkatan import barang modal seperti peralatan mesin dan kemidahan pengangkutan. Ini adalah merupakan gambaran yang positif bahawa terdapatnya pembentukan modal dan pelaburan secara besar-besaran di negeri ini tetapi ketidakseimbangan pertumbuhan dagangan luar berbanding dengan kadar import secara tidak langsung akan mengakibatkan pengurangan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar.

ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 1997

Tuan Speaker,

1. Berasaskan kepada kenyataan-kenyataan yang terdahulu strategi-strategi dalam RRJPS, akan terus menguasai rentak pembangunan pada tahun 1997. Sukacita saya mencadangkan sejumlah RM2,070.33 juta diperuntukkan bagi tahun 1997, di mana daripada jumlah ini sebanyak RM1,276.33 juta adalah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Perbekalan dan sejumlah RM794 juta lagi diperuntukkan untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Anggaran Hasil Negeri

Tuan Speaker,

1. Jumlah Hasil Negeri Sabah bagi tahun 1997 adalah dianggarkan dalam lingkungan RM2,080.1 juta berbanding dengan anggaran hasil yang disemak bagi tahun 1996 yang berjumlah RM1,833.56 juta. Anggaran Hasil bagi tahun 1997 menampakkan peningkatan sebanyak 13.45%. Peningkatan ini adalah berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan eksport balak yang bermutu tinggi dan bayaran kepada Kerajaan berikutan dengan penyenaraian sebuah agensi Kerajaan di Bursa Saham Kuala Lumpur.
2. Tinjauan terhadap hasil bagi tahun bagi tahun 1997, memperlihatkan tiga komponen utama hasil yang terdiri daripada sektor Perhutanan, Kastam, Pungutan, Dividen dan Faedah yang menjadi penyumbang terbesar iaitu 80%. Sektor perhutanan adalah dijangka menghasilkan anggaran sebanyak RM818.7 juta atau 39.64% daripada jumlah Hasil. Dalam peralihan masa bagi pemprosesan hiliran bawah tempatan mencapai kadar pemulihran sumber hutan menerusi penggunaan teknologi yang tinggi, adalah lebih pruden bagi Kerajaan Negeri membenarkan eksport balak yang bermutu tinggi dijual di pasaran daripada sektor ini. Dalam hubungan ini saya suka memberi jaminan bahawa walaupun terdapat peningkatan hasil perhutanan berbanding dengan hasil perhutanan yang disemak pada tahun 1996, pengeluaran balak akan tetap diurus selaras dengan dasar dan matlamat yang digubal di bawah program pengurusan hutan berkekalan.

Tuan Speaker,

1. Hasil daripada Pungutan, Dividen dan Faedah adalah menjadi penyumbang kedua terbesar iaitu dalam lingkungan RM631.46 juta atau 30.36% daripada jumlah anggaran hasil untuk tahun 1997. Daripada jumlah ini, sebanyak RM565 juta telah dianggarkan sebagai hasil daripada pungutan untuk penyenaraian awam sebuah Agensi milik Kerajaan. Baki sebanyak RM66.5 juta dijangka datang daripada punca-punca tetap di bawah kategori ini iaitu dividen (RM10 juta), faedah atas pinjaman (RM16.5 juta) dan faedah atas baki tunai dan deposit jangka pendek (RM40 juta).
2. Pendapatan daripada kastam adalah dijangka dalam lingkungan RM325.1 juta atau 15.74% daripada jumlah hasil yang dijangka bagi tahun 1997. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 35.4% berbanding dengan hasil kastam yang disemak bagi tahun 1996 yang berjumlah RM240.07 juta. Tinjauan yang optimistik ini adalah berasaskan senario bahawa akan ada peningkatan dalam hasil daripada import dan duti eksais untuk keluaran petroleum dalam tahun 1997 selaras dengan perspektif ekonomi yang cerah pada tahun hadapan.
3. Selain daripada itu, terdapat juga lain-lain item hasil yang sama pentingnya sebagai penyumbang kepada hasil Kerajaan Negeri. Salah satu daripadanya ialah pendapatan daripada tanah yang membawa pendapatan tahunan di antara RM75 juta hingga RM80 juta. Kerajaan di kawasan utama bandar yang mampu menambah hasil dan dengan mengambil langkah konservatif, pendapatan daripada tanah adalah dianggarkan berjumlah RM90.36 juta bagi tahun 1997.
4. Selanjutnya, Hasil tradisi melalui sektor perlombongan, iaitu bagi petroleum dijangka menyumbangkan RM60.23 juta dalam bentuk royalti dan RM3.14 juta bagi tembaga. Sejak dua tahun lepas, anggaran yang disediakan oleh Petroleum Nasional Berhad adalah bersifat konservatif di mana pungutan sebenar pada tahun 1996 ialah RM80.47 juta iaitu lebih tinggi berbanding RM54.6 juta yang dianggarkan sebelumnya. Kegiatan perlombongan bagi tembaga dijangka akan beroperasi sepenuhnya dalam tahun 1997 dengan pengeluaran dijangka meningkat sebanyak 5.5% iaitu lebih daripada 96,000 ton kepada lebih kurang 102,000 ton.
5. Untuk tahun 1997, Kerajaan Persekutuan dijangka menyumbangkan sejumlah RM74.90 juta dan ini mewakili 4.6% daripada jumlah hasil Kerajaan Negeri. Seperti juga tahun-tahun lepas bahagian terbesar daripada jumlah ini iaitu sebanyak RM52.4 juta adalah dijangka daripada Pemberian Mengikut Perlembagaan seperti Pemberian Perkapita, Pemberian Khas dan Pemberian Pertumbuhan Hasil. Manakala baki sebanyak RM22.5 juta adalah sumbangan untuk perbelanjaan operasi untuk jabatan-jabatan di bawah Senarai Bersama termasuk Muzium Negeri Sabah dan juga bayaran kepada sewa untuk perumahan kerajaan.
6. Penerangan lebih lanjut juga adalah berkaitan dengan Kelas VI - Pelbagai Hasil, di mana dalam tahun 1997 menunjukkan anggaran yang lebih rendah, iaitu sebanyak RM16.7 juta berbanding anggaran yang disemak sebanyak RM294.3 juta pada tahun ini. Adalah menjadi amalan bagi Jabatan Bendahari Negeri untuk mewujudkan pecahan kepala (sub head) bagi hasil yang baru di bawah kelas ini untuk tujuan mengakaun pungutan yang tidak boleh dicajkan di bawah mana-

mana pecahan kepala yang sedia wujud. Untuk gambaran yang lebih jelas untuk punca-punca hasil, telah diputuskan bahawa hasil yang kecil akan dicajkan di bawah Kelas ini, manakala jumlah hasil yang besar hendaklah dicajkan dalam Kelas-kelas yang lain yang berkaitan. Ini menjelaskan kenapa anggaran hasil adalah lebih kecil bagi tahun 1997.

7. Item-item hasil yang selainnya seperti yang dapat diringkaskan bagi anggaran Hasil bagi tahun 1997 termasuklah hasil daripada jualan air sebany-

Perbelanjaan Perbekalan 1997

Tuan Speaker,

1. Di bawah Perbelanjaan Perbekalan sebanyak RM1,276.33 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah ini sebanyak RM364.64 juta disediakan untuk membiayai Emolumen yang mana jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM18.77 juta atau 5.43% berbanding dengan anggaran disemak iaitu sebanyak RM345.87 juta pada tahun ini. Peningkatan ini adalah untuk menyesuaikan perbelanjaan berikut dengan pelarasan gaji dan elaun bagi anggota perkhidmatan awam. Sebaliknya sebanyak RM367.94 juta yang disediakan bagi Perbelanjaan Berulang menunjukkan pengurangan sebanyak RM37.04 juta atau 9.1% berbanding dengan anggaran yang disemak berjumlah RM404.98 juta dalam tahun 1996. Pengurangan ini adalah sejajar dengan dasar dan amalan Kerajaan untuk berjimat-cermat.
2. Manakala sejumlah RM543.74 juta adalah disediakan bagi Perbelanjaan Khas tahun 1997, di mana sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk membiayai perbelanjaan untuk penswastaan air iaitu sebanyak RM200 juta, RM129 juta merupakan caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun, RM71.97 juta untuk perbelanjaan Perkhidmatan Am Perbelanjaan, RM48 juta Pemberian kepada Kuasa-kuasa Tempatan, RM47 juta Gran kepada Agensi-agensi Kerajaan, RM25 juta Pemberian kepada Program-program Perkhidmatan sosial Negeri dan bakinya sebanyak Rm22.77 juta diperuntukkan bagi memenuhi keperluan-keperluan penting dalam perkhidmatan awam.

Tuan Speaker,

1. Di sini saya ingin mengingatkan kepada semua Pegawai Pegawal bahawa Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai perubahan struktur untuk menginstitusikan budaya kecermelangan yang menekankan peralihan paradigma bagi tujuan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam sektor perkhidmatan awam. Pada hemat saya kesemua perubahan besar ini akan menjurus kepada pengamatan perbelanjaan sektor awam di samping membolehkan peningkatan produktiviti dan prestasi kerja. Justeru itu saya menyeru agar kakitangan sektor awam khususnya Pegawai Pengawal hendaklah lebih peka dan bertanggungjawab terhadap pengawalan perbelanjaan awam. Ini juga bererti peningkatan tahap prestasi perkhidmatan tidak semestinya diikuti dengan peningkatan kos.

Tuan Speaker,

1. Pengagihan peruntukan Perbelanjaan Perbekalan Tahun 1997 mengikut Kementerian-kementerian adalah seperti berikut:
 - **Jabatan Ketua Menteri** yang merangkumi beberapa komponen-komponen penting seperti Perhutanan, Tanah dan Ukur, Perkhidmatan Awam Negeri, Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Cetak dan Arkib Negeri diperuntukkan sebanyak RM222.91 juta. Daripada jumlah ini sebanyak RM32 juta dikhaskan untuk anugerah biasiswa dan latihan di dalam dan luar negeri, sebanyak RM6 juta dicarumkan kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan sebanyak RM7.45 juta sebagai pemberian dan pelaburan dalam syarikat-syarikat kerjasama dan badan-badan lain. Sejumlah RM6.60 juta lagi disediakan sebagai pembayaran balik cukai-cukai hutan.
 - **Kementerian Perhubungan dan Kerja Raya** yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air, Perkhidmatan Keretapi serta Pelabuhan dan Dermaga disediakan peruntukan berjumlah RM393.17 juta di mana sebahagian besar daripada peruntukan itu adalah untuk membiayai perbelanjaan penswastaan air sebanyak RM200 juta dan Kerja Raya Berulang sebanyak RM61.07 juta.

- **Kementerian Pertanian dan Perikanan** serta Jabatan dan Agensi-agensi di bawahnya iaitu Korporasi Pembangunan Desa, Ko-Nelayan dan Lembaga Tabung Getah diagihkan peruntukan berjumlah RM118.85 juta.
 - **Kementerian Pembangunan Luar Bandar** yang bertanggungjawab kepada pentadbiran luar bandar disediakan peruntukan sebanyak RM43.77 juta bagi membolehkan Kementerian ini berfungsi dengan lancar. Jumlah ini termasuk perbelanjaan bagi dua Pejabat Daerah Kecil iaitu Putatan dan Kemabong yang akan memulakan operasinya pada Januari 1997.
 - **Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan** berserta Jabatan dan agensi di bawahnya disediakan peruntukan sebanyak RM22.04 juta. **Kementerian Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar** diberikan peruntukan sebanyak RM23.33 juta. **Kementerian Pembangunan Sumber dan Perusahaan** menerima sebanyak RM14.90 juta bagi membolehkan Kementerian ini menampung perbelanjaan operasi, latihan kakitangan awam dan latihan teknikal. Sementara itu **Kementerian Pembangunan Perindustrian** berserta Jabatan di bawahnya mendapat peruntukan sebanyak RM6.43 juta.
 - **Kementerian Perkhidmatan Sosial** diperuntukkan sebanyak RM70.26 juta. Dalam hal ini, pelaksanaan program perkhidmatan perpustakaan sebagai penggerak utama ke arah pembentukan masyarakat bermaklumat akan mendapat perhatian yang sewajarnya.
 - Manakala **Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan** diperuntukkan sebanyak RM69.11 juta bagi penyediaan kemudahan-kemudahan awam seperti pembinaan dan pemberian jalanraya, dewan masyarakat, perparitan di kawasan bandar untuk memastikan kualiti hidup.
 - Peruntukan sejumlah RM35.01 juta di bawah **Perbelanjaan Tanggungan** merangkumi perbelanjaan ke atas Senarai Awam, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, perbelanjaan untuk Hutang Negeri dan Bayaran Pencen dan Ganjaran. Manakala perbelanjaan yang tidak termasuk di dalam Kementerian-kementerian sejumlah RM12.47 juta disediakan bagi Pejabat Yang di-Pertua Negeri, Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, Jabatan Peguam Besar Negeri dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri.
 - Peruntukan sebanyak RM1,038.07 juta atau 50.14% daripada keseluruhan anggaran Perbelanjaan Perbekalan adalah diletakkan di bawah kawalan Kementerian Kewangan. Jumlah ini termasuklah RM794 juta yang dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. Sebanyak RM102 juta dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pinjaman untuk Badan-badan Berkanun dan lain-lain. Seterusnya sejumlah RM25 juta adalah untuk Tabung Amanah Warisan Negeri Sabah. Manakala sejumlah RM94.87 juta lagi disediakan di bawah perbelanjaan Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Daripada jumlah ini sebanyak RM20 juta diperuntukkan demi untuk memelihara keharmonian dan nilai keagamaan yang selama ini menjadi benteng kepada keruntuhan akhlak dan tunggak perpaduan di kalangan masyarakat majmuk yang menganut berbagai agama dan kepercayaan di negeri ini. Manakala RM8 juta lagi merupakan pemberian kepada sekolah bantuan Kerajaan dan sekolah swasta.
2. Pewujudan Majlis Teknologi Maklumat Sabah (SITC) pada tahun ini serta kelulusan ke atas pembinaan sebuah bangunan untuk Pusat Teknologi Maklumat pada tahun 1997 akan meletakkan asas yang kukuh ke atas penggunaan teknologi maklumat dalam sektor pengeluaran. Di samping itu Kerajaan akan juga menyumbangkan sebanyak RM3 juta untuk memastikan Unit Sains dan Teknologi berjalan dengan lancar dan seterusnya RM11 juta untuk mempertingkatkan sistem pengkomputeran di dalam perkhidmatan awam.

Tuan Speaker,

1. Kerajaan Negeri menghargai sumbangan dan dedikasi anggota perkhidmatan awam dan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan bersetuju mencadangkan pemberian sebulan gaji bonus kepada anggota perkhidmatan awam bagi semua Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan dan kumpulan setaraf dengannya dengan jumlah minimum RM700.00. Pembayaran bonus ini akan melibatkan peruntukan keseluruhan melebihi RM30 juta.

Perbelanjaan Pembangunan 1997

Tuan Speaker,

1. Seperti lazimnya Tabung Pembangunan Negeri untuk program pembangunan adalah dibiayai daripada sumbangan Belanjawan Perbekalan Negeri dan daripada Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Bayaran Balik Persekutuan dan Pinjaman Persekutuan. Dalam pembentukan Belanjawan Pembangunan, projek-projek yang disenaraikan untuk pelaksanaan hendaklah merupakan projek yang produktif dan mengikut kemampuan Kerajaan Negeri, serta dapat memberi manfaat kepada sebilangan besar rakyat.
2. Penekanan utama bagi jangka tempoh RRJPS adalah diberikan kepada usaha memperhebatkan pertumbuhan ekonomi negeri dan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah. Oleh yang demikian sukacita saya menyatakan bahawa anggaran Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1997 ialah sebanyak RM794.62 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM142.14 juta atau 21.78% berbanding dengan anggaran asal sebanyak RM652.48 juta pada tahun 1996. Sejumlah RM433.35 juta atau 54.5% diperuntukkan untuk sektor ekonomi, yang meliputi sektor pertanian, perhutanan, pembangunan desa dan pembangunan infrastruktur. Sektor sosial pula diperuntukkan sejumlah RM221.75 juta atau 27.9% manakala baki sejumlah RM124.52 juta atau 15.7% untuk pentadbiran pembangunan secara am dan RM15 juta atau 1.9% untuk kegunaan luar jangka.
3. Pengagihan untuk Belanjawan Pembangunan mengikut Kementerian adalah seperti di bawah:

Kementerian	Jumlah(RM juta)	Peratusan(%)
Kementerian Perhubungan & Kerja Raya	200.94	25.29
Kementerian Pertanian & Perikanan	147.33	18.54
Jabatan Ketua Menteri	130.29	16.40
Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan	86.36	10.87
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	73.00	9.19
Kementerian Pelancongan & Pembangunan Alam Sekitar	39.69	4.99
Kementerian Kewangan	35.00	4.40
Kementerian Pembangunan Perindustrian	29.33	3.69
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	22.55	2.84
Kementerian Pembangunan Sumber dan Perusahaan	8.03	1.01
Kementerian Perkhidmatan Sosial	7.10	0.89
Simpanan Luar Jangka	15.00	1.89
	-----	-----
	794.62	100.00
	-----	-----

Tuan Speaker,

1. Saya tidak akan memberi perincian terhadap pengagihan ini keran rakan-rakan Kabinet saya sentiasa bersedia untuk memberikan penerangan lanjut kemudian. Walaupun begitu sukalah saya memahatkan iltizam Kerajaan sekali lagi untuk memperbaiki keadaan hidup di luar bandar dan mengurangkan kadar kemiskinan yang tinggi di Sabah iaitu daripada 26.4% yang direkodkan pada tahun 1995 kepada 20% menjelang tahun 2000. Untuk itu sejumlah RM200.5 juta diperuntukkan bagi maksud membiayai perbelanjaan seperti berikut:

	RM(juta)
- Projek-projek luar bandar	73.0
- Subsidi rumah awam kos rendah	38.0
- Skim Pinjaman (Saham Sabah Bhd.) untuk golongan termiskin	26.0
- Projek pembangunan khas	20.0
- Ko-Nelayan	17.3
- Koperasi Pembangunan Desa	16.2
- Lembaga Tabung Getah	10.0

Dalam pada itu saya yakin bahawa industri yang berintensifkan buruh dalam sektor perladangan, pembinaan, pembuatan dan pelancongan dapat memainkan peranan masing-masing untuk membantu Kerajaan menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

2. Di samping itu, selain daripada projek bekalan air luar bandar yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga turut menyumbangkan peruntukan sejumlah RM54.5 juta

untuk beberapa program di antaranya termasuklah pembinaan skim-skim bekalan air dan menaikkan taraf bekalan air seperti berikut:

	RM(juta)
- Skim Bekalan Air Membakut, Fasa 1	3.0
- Skim Bekalan Air Sindunim, Sipitang	3.0
- Pembesaran Takungan Air Tenom	1.5
- Bekalan Air Ranau, Fasa 1	3.0
- Kemudahan Baru Bekalan Air, Kota Marudu	1.0
- Menaikkan taraf Bekalan Air Kudat	4.0

Penyiapan projek-projek di atas kelak dapat menyumbangkan satu-satunya keperluan asas yang bermakna dalam kehidupan dan sekaligus menaikkan kualiti hidup rakyat di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Speaker,

1. Dalam kegairahan kita untuk membangunkan ekonomi Sabah, saya ingin menekankan betapa pentingnya kita memberi pengiktirafan terhadap pengurusan sumber-sumber asli bagi mencapai aspek sustainabiliti. Penerimaan 'Sabah Conservation Strategy' oleh Kerajaan Negeri merupakan komitmen Kerajaan untuk memperkuatkan pengurusan berkekalan ke atas sumber-sumber asli, ekologi dan kepelbagaiannya dan juga untuk memastikan bekalan bahan-bahan mentah yang mencukupi dalam jangka panjang. Tambahan pula kekayaan alam semulajadi yang saya sifatkan sebagai produk warisan telahpun diiktiraf berpotensi untuk mempelbagaikan produk pelancongan Negeri ini. Justeru itu ketegasan usaha ke arah memelihara dan melindungi alam sekitar hendaklah dilipatgandakan bagi mengimbangi arus pembangunan yang mengakibatkan kesan-kesan negatif. Dalam hubungan ini saya menyeru kepada semua pihak khususnya agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan dan juga sektor pembalakan dan perladangan supaya mengamalkan program pemeliharaan alam sekitar dalam aktiviti mereka bersesuaian dengan peraturan dan undang-undang yang ada.

Bantuan Kewangan Persekutuan

Tuan Speaker,

1. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kita akan terus menerima peruntukan daripada Persekutuan untuk Program Pembangunan di negeri ini di mana dianggarkan sejumlah RM478.47 juta akan disumbangkan pada tahun hadapan. Peruntukan ini terdiri daripada RM30.8 juta untuk Bayaran Balik Persekutuan, RM73.78 juta Pinjaman Persekutuan dan RM373.89 juta sebagai pemberian untuk membayai projek pembangunan yang terletak di bawah tanggungan Senarai Bersama dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Jumlah RM373.89 juta dalam bentuk Pemberian Terus oleh Kerajaan Persekutuan itu akan dapat membantu untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan di bawah Senarai Bersama iaitu:

	RM(juta)
- Sektor perhutanan	8.44
- Sektor pertanian & perikanan	11.65
- Jalan-jalan utama	300.80
- Bekalan air & elektrik di kawasan desa	53.00

3. Bantuan daripada Persekutuan ini tidak disangsikan lagi akan dapat membantu pembangunan sosio-ekonomi di negeri ini. Untuk itu saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih atas bantuan kewangan yang berterusan daripada Kerajaan Persekutuan.

Penutup

Tuan Speaker,

1. Pendekatan dan langkah-langkah yang digariskan dalam Belanjawan ini adalah menampakkan kesungguhan Kerajaan yang luhur dalam mempertingkatkan taraf hidup serta kesejahteraan

rakyat. Untuk mencapai matlamat yang merupakan asas ke arah keadilan dalam pengagihan kekayaan Negeri ini, sudah tentu memerlukan kerjasama yang erat daripada semua pihak.

2. RRJPS yang mencakupi pelbagai pendekatan untuk membangunkan ekonomi negeri, telah mengambil kira pembangunan sejagat, wilayah dan luar bandar untuk menyediakan landasan yang kukuh bagi kita bergerak teguh menghadapi cabaran-cabaran menjelang Abad ke 21. Kita tidak sepatutnya lagi memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang remeh-temeh. Sebaliknya kita harus menanam keyakinan untuk menangani dan mengatasi segala kesulitan untuk terus maju ke hadapan. Seperti kata pepatah lama Inggeris, "Time and Tide Wait for No Man". Kemunculan zaman digital membuat kita lebih peka untuk melonjak pantas ke arah satu perspektif yang bolah membantu keupayaan kita untuk mempercepatkan pencapaian matlamat-matlamat yang terkandung dalam RRJPS.

Tuan Speaker,

1. Dengan program perancangan pembangunan yang tersusun dari segala aspek dan keperluan, ini dapat memperkuuhkan lagi harapan kita untuk mencambah minat terhadap peluang-peluang ekonomi di rantau Asia dan khususnya rantau BIMP-EAGA. Pertumbuhan ekonomi yang sihat berupaya menyembuh gejala-gejala sosial seperti pengangguran dan kemiskinan di samping mengekalkan keharmonian dan perpaduan serta kestabilan politik. Kenaikan taraf Majlis Perbandaran Kota Kinabalu kepada status Bandaraya menjelang tahun 1997, ada dengan pelaksanaan pesat Kota Kinabalu Industrial Park akan mewujudkan persekitaran komersial bandaraya yang berupaya meningkatkan perkhidmatan yang lebih bermutu berserta peluang-peluang baru.

Tuan Speaker,

1. Sungguhpun perkembangan ekonomi menjanjikan kita untuk menikmati kualiti hidup tetapi semuanya ini hendaklah dilakukan dengan tidak mengabaikan tanggungjawab kita untuk mengawal keruntuhannya akhlak khususnya di kalangan para belia. Program-program keagamaan hendaklah ditingkatkan sewajarnya. Begitu juga dengan isu-isu pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar hendaklah diberi penekanan yang setimpal kerana - 'kita adalah kepunyaan bumi ini dan bukan sebaliknya'. Dengan gabungan pemimpin-pemimpin Kerajaan, pihak pembangkang, anggota perkhidmatan awam, pihak swasta, kumpulan NGO dan rakyat negeri ini yang cintakan kesejahteraan dan perpaduan, bersama kita BOLEH menjadikan negeri ini sebagai 'Bumi Harapan - A land of Hope'.
2. Tuan Speaker, saya mohon mencadang.